

26 FEB 2003

NAM-Mahathir (Forum)/I

PEMIMPIN NAM SETUJU FORUM PERNIAGAAN CIRI TETAP SIDANG KEMUNCAK

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pergerakan Negara-negara Berkecuali telah bersetuju menjadikan Forum Perniagaan yang pertama kali diadakan selari dengan sidang kemuncak NAM ke-13 di sini, sebagai ciri tetap sidang kemuncak akan datang, kata Perdana Menteri dan pengerusi pergerakan itu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini dilihat sebagai rangsangan kepada masyarakat perniagaan negara anggota NAM dan bermakna forum serupa akan dianjurkan di Cuba apabila Havana mempengerusikan sidang kemuncak ke-14 NAM tiga tahun dari sekarang.

Berita itu diumumkan Dr Mahathir semasa sidang media lewat malam tadi selepas berakhirnya sidang kemuncak yang dihoskan Malaysia dan ini merupakan berita baik kepada sektor swasta negara-negara NAM yang sudah sekian lama merasakan potensi besar 116 negara anggota NAM masih belum dieksploit sepenuhnya.

Kira-kira 700 anggota delegasi NAM yang berhimpun di Petaling Jaya dekat sini untuk menyumbang saran pelbagai isu ekonomi merasakan tanpa "sesuatu yang tetap" adalah sukar bagi menggerakkan ke depan kerjasama ekonomi pada landasan yang lebih lancar.

Hasilnya mereka mengutarakan lima cadangan yang antara lain untuk menginstitusikan forum perniagaan sulung itu pada semua sidang kemuncak NAM.

Para anggota delegasi yang cadangan mereka diserahkan kepada pemimpin NAM kelmarin, menggesa semua negara tuan rumah akan datang supaya menganjurkan forum perniagaan serupa sebagai kaedah untuk menggalakkan keamanan, kerjasama dan peluang perniagaan.

Ditanya mengenai satu lagi cadangan sektor swasta supaya para pemimpin itu bersetuju terhadap pengwujudan majlis perniagaan yang dicadangkan sendiri oleh Perdana Menteri pada perasmian forum itu Ahad lepas, Dr Mahathir berkata majlis itu boleh ditubuhkan "dalam masa terdekat".

-- BERNAMA

MR MR RON